

BAB EMPAT

KEPUTUSAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab ini menerangkan keputusan kajian yang merangkumi bentuk program inklusif, latar belakang sampel, laporan prestasi akademik, laporan guru tingkatan, keputusan soal selidik Skala Konsep Kendiri Tennessee, pandangan guru, rumusan sesi temubual bersama murid dan rumusan dapatan kajian dari jadual-jadual serta rajah yang ditunjukkan.

4.1 Bentuk Program Inklusif

Tahun 1998 merupakan tahun pertama sekolah sampel kajian menjalankan program pendidikan inklusif. Seramai tiga orang murid kelas khas telah ditempatkan di kelas biasa bagi mengikuti program tersebut. Kesemua murid tersebut ditempatkan di dalam kelas tingkatan dua. Pada peringkat permulaan, ketiga-tiga murid tersebut dikehendaki belajar kesemua mata pelajar yang diajar di kelas tersebut. Selepas seminggu, murid tersebut dikehendaki berada di kelas khas pada waktu mata pelajar Bahasa Melayu, Matematik dan Sejarah diadakan di kelas biasa. Seorang guru resos akan mengajar mereka mata pelajar Bahasa Melayu, Matematik dan Sejarah. Bagi mata pelajar lain, murid tersebut dikehendaki belajar bersama-sama murid lain di kelas biasa.

Sesi pengajaran bagi tingkatan dua ialah waktu petang, manakala guru resos bertugas pada waktu pagi. Oleh itu, guru resos tidak dapat bersama murid mengikut jadual yang ditetapkan kerana terpaksa berada di sekolah pada waktu pagi dan petang. Hanya seorang guru resos sahaja yang dipertanggungjawabkan ke atas murid-murid tersebut. Bagi mengatasi masalah tersebut, ketiga-tiga murid tersebut dikehendaki hadir ke sekolah lebih awal iaitu sebelum pukul 12.00 tengah hari. Guru resos akan mengajar mereka dari jam 12.00 hingga 1.00 petang. Selepas itu murid-murid itu akan masuk ke kelas biasa bagi memulakan sesi pembelajaran mereka. Cuma pada hari-hari tertentu sahaja mereka akan belajar pada waktu petang bersama-sama guru resos. Mereka belajar selama tiga hari dalam seminggu bersama guru resos iaitu satu mata pelajar satu hari kecuali hari Isnin dan Jumaat.

Guru resos akan datang pada waktu petang atas permintaan murid. Tajuk-tajuk yang diajar oleh guru resos adalah tajuk-tajuk dalam sukanan pelajar tingkatan satu bagi mata pelajar Bahasa Melayu, Matematik dan Sejarah. Secara tidak langsung, tugas guru resos adalah seperti guru tuisyen kepada murid-murid tersebut. Manakala guru kelas biasa akan mengajar mengikut sukanan pelajar tingkatan dua.

Keadaan ini menimbulkan sedikit masalah kepada murid-murid tersebut. Sebagai contoh, Ramli dapat mengikuti jadual pengajaran yang disediakan dengan baik. Manakala Anuar dan Ahmad menghadapi masalah untuk mengikuti jadual pengajaran dan masa yang perlu dibahagikan antara kelas biasa dan kelas

khas. Mereka tidak dapat mengikuti pengajaran di kelas biasa yang melibatkan sukanan pelajar tingkatan dua dengan sepenuhnya. Mereka merasa tertinggal dalam tajuk-tajuk tertentu yang diajar oleh guru biasa disebabkan mereka perlu berada bersama guru resos. Mereka berasa penerangan oleh guru resos tidak mencukupi berbanding guru yang mengajar di kelas biasa. Guru resos pula berpendapat dia terpaksa mengajar secara serius di kelas khas bagi membantu mereka menguasai tajuk-tajuk yang tertinggal. Kesan daripada situasi itu, Anuar berasa begitu tertekan. Anuar akan mengambil keputusan untuk tidak hadir ke sekolah jika dia berasa tidak selesa atau tidak dapat menyiapkan latihan yang diberi oleh guru. Keadaan ini berterusan sehingga melibatkan waktu-waktu peperiksaan. Jika Anuar merasakan dia tidak dapat menjawab soalan-soalan yang diberikan semasa peperiksaan, dia tidak akan hadir ke sekolah. Pada bulan Februari, Anuar tidak hadir semasa ujian Sains dan Geografi diadakan. Manakala pada bulan April, Anuar tidak hadir semasa ujian Bahasa Melayu dan Sejarah diadakan. Pada bulan Ogos pula, Anuar tidak hadir semasa ujian Matematik, Kemahiran Hidup dan Geografi diadakan.

Ketiga-tiga sampel bersetuju bahawa guru di kelas biasa dapat mengajar dengan lebih baik dan mudah difahami berbanding dengan guru resos. Mereka cuma menghadapi masalah dalam menyalin nota sama ada dari dalam buku atau di papan hijau semasa guru mengajar. Ini disebabkan kordinasi tangan mereka lemah dan menyebabkan lambat menyalin nota berbanding dengan rakan sekelas yang lain. Kordinasi tangan yang lemah juga menyebabkan ada di antara mereka

kurang meminati mata pelajar lukisan. Anuar dan Ahmad sering dimarahi oleh guru lukisan kerana tidak siap kerja dan sering berbual sesama sendiri. Oleh kerana sering dimarahi guru lukisan menyebabkan minat mereka terhadap mata pelajar lukisan merosot. Namun begitu mereka sedar dan mengakui bahawa sebagai murid yang lebih tua daripada rakan-rakan sekelas, mereka seharusnya menunjukkan contoh yang baik kepada rakan-rakan yang lain namun kelemahan kordinasi tangan menyebabkan mereka tidak bertingkah laku seperti yang diharapkan. Sehingga kajian ini dibuat, Anuar masih tidak menyukai mata pelajar lukisan dan guru yang mengajar lukisan.

Menurut ketiga-tiga orang subjek kajian, semasa belajar di kelas khas bersama-sama guru resos, mereka banyak bermain daripada belajar. Situasi ini disebabkan persepsi mereka terhadap kelas resos tempat yang kurang menekankan proses pembelajaran akademik kerana hanya mereka bertiga sahaja yang ada di situ. Walau bagaimanapun ketiga-tiga sampel bersetuju bahawa sikap seperti itu sebenarnya tidak baik untuk mereka yang bakal menempuh peperiksaan Penilaian Menengah Rendah pada tahun 1999. Mereka lebih suka belajar di kelas biasa kerana terdapatnya suasana pengajaran dan pembelajaran di samping wujudnya persaingan dalam bidang akademik di antara sesama mereka.

Menurut guru resos mereka, program inklusif yang diamalkan ialah program inklusif mata pelajar terpilih sahaja. Namun begitu, pengkaji mendapati program inklusif yang dijalankan di sekolah sampel kajian tidak menepati program inklusif mata pelajar terpilih seperti yang dinyatakan oleh Saravanan (

1997). Saravanan mendapati sekolah yang dijadikan sampel kajiannya mengamaikan program inklusif mata pelajar terpilih sahaja, iaitu Bahasa Inggeris dan Pendidikan Seni. Selain waktu Bahasa Inggeris dan Pendidikan Seni, murid-murid tersebut akan mengikuti pelajar mereka dalam kelas khas di bawah bimbingan guru pendidikan khas. Rich dan Ross (1989 dalam Saravanan, 1997) juga mendapati, kebanyakan murid yang mengikuti program inklusif ini menghabiskan banyak masa mereka dalam kelas khas.

Kesimpulannya, program inklusif yang diamalkan di sekolah sampel kajian tidak menepati konsep program inklusif mata pelajar yang terpilih sepenuhnya. Keadaan ini wujud kerana terdapat campur tangan daripada pihak penjaga murid yang terlalu berkeinginan untuk melihat anak-anak mereka berjaya di dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Akibatnya mereka mendesak pihak sekolah untuk membenarkan anak-anak mereka berada lebih lama di kelas biasa berbanding di kelas khas. Tujuannya ialah supaya ketiga-tiga sampel kajian dapat bergaul dan belajar bersama-sama murid kelas biasa. Mereka berharap keadaan ini akan menggalakkan anak-anak mereka bersaing dengan murid kelas biasa dan dapat merasai suasana peperiksaan melalui aktiviti ujian buianan dan peperiksaan pertengahan tahun.

4.2 Latar Belakang Sampel Kajian

Seramai tiga orang sampel kajian yang terlibat dalam kajian ini. Ketiga-tiga sampel kajian merupakan murid kelas khas masalah pembelajaran yang

mengikuti kelas inklusif di salah sebuah sekolah menengah di daerah Petaling, Selangor. Maklumat latar belakang ketiga-tiga sampel kajian adalah seperti berikut :

4.2.1 Sampel Pertama

Nama : Ahmad Bin Din (Bukan nama sebenar).

Umur : 18 tahun.

Tingkatan : 2.

Bilangan adik beradik : 3 orang.

Kedudukan anak dalam keluarga : anak kedua.

Lemah dalam mata pelajaran : Geografi, Sejarah dan Matematik.

Cita-cita : Berniaga.

Ciri-ciri positif : Yakin lulus PMR, pemaaf, suka menolong kawan, petah bercakap.

Ciri-ciri negatif : Selalu balik lewat, rasa diri “jahat”, tidak yakin pada diri rasa diri tidak pandai.

Pekerjaan ibu : Kerani.

Pekerjaan bapa : Posmen.

Sebab-sebab masuk ke kelas khas : Ahmad mula bersekolah pada umur 7 tahun di Sekolah Kebangsaan Seksyen 17, Shah Alam. Ahmad bersekolah dari darjah satu hingga darjah empat. Semasa berumur 11 tahun, Ahmad mula bersekolah di Kelas Khas Sekolah Kebangsaan Raja Muda, Seksyen

4 Shah Alam. Ahmad dimasukkan ke Kelas Khas kerana dia tidak boleh mengikuti pelajaran yang diajar dengan baik. Dia lemah dalam semua mata pelajaran. Akibat pencapaian yang lemah, jiran di sebelah rumah mencadangkan kepada bapanya supaya Ahmad dimasukkan ke Kelas Khas.

4.2.2 Sampel Kedua

Nama : Ramli Bin Rahim (Bukan nama sebenar).

Umur : 17 tahun.

Tingkatan : 2.

Bilangan adik beradik : 5 orang.

Kedudukan anak dalam keluarga : anak keempat.

Lemah dalam matapelajar : Bahasa Inggeris, Sejarah dan Pendidikan

Agama Islam.

Cita-cita : Bekerja dalam bidang kejuruteraan atau pertanian.

Ciri-ciri positif : Rajin, suka menolong ayah bekerja memotong rumput, disenangi oleh ahli keluarga lain, berkeyakinan, yakin lulus PMR dengan mendapat 4A dalam mata pelajar Sains, Sejarah, Geografi dan Kemahiran Hidup.

Ciri-ciri negatif : Malu bertanya.

Pekerjaan ibu : Suri rumah.

Pekerjaan bapa : Pemotong rumput.

Sebab-sebab masuk ke kelas khas : Ramli memasuki darjah satu pada umur 7 tahun di Sekolah Kebangsaan Seksyen 17, Shah Alam. Ramli bersekolah di sana sehingga darjah dua. Selepas itu Ramli berpindah ke Sekolah Kebangsaan Raja Muda, Seksyen 4, Shah Alam. Dia dipindahkan ke sana oleh bapanya atas nasihat kawannya. Kawannya mempunyai anak yang masih belajar Kelas Khas Sekolah Kebangsaan Raja Muda. Ramli dipindahkan ke Kelas Khas kerana lemah penguasaan membaca, menulis dan mengira serta lemah dalam pertuturan. Bunyi atau sebutan perkataan yang disebut oleh Ramli kurang jelas dan sukar difahami.

4.2.3 Sampel Ketiga

Nama : Anuar Bin Ali (Bukan nama sebenar).

Umur : 18 tahun.

Tingkatan : 2.

Bilangan adik beradik : 5 orang.

Kedudukan anak dalam keluarga : anak ketiga.

Lemah dalam mata pelajaran : Bahasa Inggeris, Matematik , Kemahiran Hidup dan Sains.

Cita-cita : Berniaga.

Ciri-ciri positif : Suka menolong orang, rajin, selalu menolong ibu dan bapa berniaga di gerai, berusaha untuk maju, yakin lulus PMR dengan baik, petah bercakap.

Ciri-ciri negatif : Tidak hadir ke sekolah kalau kerja rumah tidak siap, keyakinan diri kurang mantap, suka berjalan-jalan dan lepak dirumah kawan.

Pekerjaan ibu : Berniaga.

Pekerjaan bapa : Berniaga.

Sebab-sebab masuk ke kelas khas : Anuar memasuki darjah satu pada umur 7 tahun di Sekolah Kebangsaan Seksyen 6, Shah Alam. Anuar bersekolah di sana selama dua tahun. Selepas itu, Anuar dipindahkan ke Kelas Khas Sekolah Kebangsaan Raja Muda, Seksyen 4, Shah Alam, atas cadangan guru kelas. Guru kelas mendapati Anuar tidak dapat menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira. Atas kebenaran bapanya, Anuar dipindahkan ke Kelas Khas.

Kesimpulannya, ketiga-tiga sampel kajian dimasukkan ke darjah satu oleh ibu bapa mereka seperti murid-murid lain. Selepas itu ibu bapa mengenalpasti masalah anak mereka lalu memindahkan mereka ke Kelas Khas. Tindakan ini merupakan tindakan yang tepat. Kini anak mereka berada di dalam tingkatan dua dan akan menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) pada tahun 1999.

4.3 Laporan Prestasi Akademik

Secara umumnya, ketiga-tiga subjek menunjukkan prestasi akademik yang baik jika dibandingkan dengan rakan-rakan yang sekelas dengan mereka. Berikut ialah keputusan peperiksaan bagi ketiga-tiga subjek semasa berada di tingkatan dua

pada tahun 1998. Laporan akademik bagi ketiga-tiga subjek adalah seperti berikut :

Bulan	Nama	B.M	B.I	Mat	Sains	Sej.	P.I	KH	Geog.
Feb	Ahmad	10	7	30	40	26	37	52	44
	Ramli	21	18	30	40	37	41	56	42
	Anuar	54	14	20	TH	23	67	60	TH
April	Ahmad	22	11	0	23	48	9	25	20
	Ramli	32	14	19	45	60	35	45	40
	Anuar	TH	11	0	33	TH	68	50	36
Jun	Ahmad	TH	15	28	19	17	55	33	32
	Ramli	28	20	24	40	42	50	51	45
	Anuar	45	32	40	40	32	56	48	58
Ogos	Ahmad	30	14	24	20	10	2	11	32
	Ramli	36	14	26	38	46	32	51	56
	Anuar	52	0	TH	45	52	62	TH	TH
Pep. Akhir Tahun	Ahmad	23	16	20	32	16	3	53	27
	Ramli	43	17	58	44	32	32	59	49
	Anuar	74	30	30	36	58	55	62	25

Jadual 4 : Laporan Akademik Sesi 1998 Bagi Ketiga-tiga Sanpel Kajian

Peperiksaan	Ahmad	Ramli	Anuar
Pertengahan Tahun	37 / 37	33 / 37	31 / 37
Akhir Tahun	38 / 38	26 / 38	29 / 38

Jadual 5 : Kedudukan Dalam Kelas

4.4 Laporan Guru Tingkatan

Secara keseluruhan, pencapaian akademik murid-murid ini adalah lemah. Walau bagaimanapun, jika dibandingkan dengan pencapaian murid-murid di kelas normal seperti 2 A 12 dan 2 A 13, pencapaian akademik murid kelas khas ini adalah jauh lebih baik. Mereka boleh membaca dan menulis dengan baik jika dibandingkan dengan murid-murid kelas normal seperti yang disebutkan di atas.

Di dalam pergaularan dengan rakan sebaya, hanya dua orang murid iaitu Ramli dan Anuar, tidak menghadapi apa-apa masalah. Mereka boleh menyesuaikan diri dan berinteraksi dengan rakan sebaya, tetapi Ahmad masih mempunyai sikap rendah diri dan tidak dapat menyesuaikan diri sepenuhnya dengan rakan-rakan lain yang normal.

4.5 Keputusan Soal - Selidik Skala Konsep Kendiri Tennessee

Soal - Selidik Skala Konsep Kendiri Tennessee digunakan untuk melihat konsep kendiri sampel kajian.

Dimensi	Skor	Item Positif			Item Negatif			Jumlah		
		Ahmad	Ramli	Anuar	Ahmad	Ramli	Anuar	Ahmad	Ramli	Anuar
Kendiri Keluarga	19	19	16	16	16	14	35	35	30	
Kendiri Peribadi	16	18	13	16	15	9	32	33	22	
Kendiri Fizikal	19	21	24	14	13	13	33	34	37	
Kendiri Sosial	17	17	18	10	19	17	27	36	35	
Kendiri Moral-Etika	18	18	13	11	22	17	29	40	30	
Jumlah Besar	89	93	84	67	85	70	156	178	154	

Jadual 6: Keputusan Soal Selidik Skala Konsep Kendiri Tennessee Bagi Ketiga-tiga Sampel Kajian

4.5.1 Keputusan Soal - Selidik Skala Konsep Kendiri Tennessee Bagi Ahmad

Berdasarkan Jadual 6, didapati jumlah skor Skala Konsep Kendiri Tennessee Bagi Ahmad ialah 156. Oleh kerana jumlah skor 156 berada dalam lingkungan 140 - 195 maka konsep kendiri Ahmad adalah sederhana. Jumlah skor item positif ialah 89 dan item negatif ialah 67. Berdasarkan Jadual 6, skor item positif dan item negatif bagi dimensi kendiri peribadi adalah sama iaitu 16

manakala bagi dimensi lain skor-skor item positif adalah lebih tinggi berbanding skor item negatif.

4.5.2 Keputusan Soal - Selidik Skala Konsep Kendiri Tennessee Bagi Ramli

Berdasarkan Jadual 6, didapati jumlah skor Skala Konsep Kendiri Tennessee Bagi Ramli ialah 178. Oleh kerana jumlah skor 178 berada dalam lingkungan 140 - 195 maka konsep kendiri Ramli adalah sederhana. Jumlah skor item positif ialah 93 dan item negatif ialah 85. Berdasarkan Jadual 6, skor item positif bagi kendiri sosial ialah 17 berbanding 19 bagi item negatif. Ini menunjukkan Ramli mempunyai tanggapan yang negatif mengenai dirinya dalam konteks hubungan sosial.

Bagi dimensi kendiri moral-etika, skor item positif ialah 18 manakala skor item negatif ialah 22. Berdasarkan soalan soal selidik, didapati Ramli tidak dapat memastikan dirinya seorang yang taat mematuhi perintah Allah s.w.t. ataupun tidak. Keadaan ini menunjukkan Ramli mempunyai tanggapan yang negatif terhadap dirinya dalam aspek keagamaan.

Tetapi skor item positif bagi dimensi lain adalah lebih tinggi daripada item negatif. Jumlah skor keseluruhan Ramli ialah 178 iaitu yang tertinggi berbanding dua sampel yang lain.


4.5.3 Keputusan Soal - Selidik Skala Konsep Kendiri Tennessee Bagi Anuar

Berdasarkan Jadual 6, didapati jumlah skor Skala Konsep Kendiri Tennessee Bagi Anuar ialah 154. Oleh kerana jumlah skor 154 berada dalam lingkungan 140 - 195 maka konsep kendiri Anuar adalah sederhana. Jumlah skor item positif ialah 84 dan item negatif ialah 70. Jumlah skor keseluruhan bagi Anuar ialah 154, iaitu yang terendah berbanding Ahmad dan Ramli. Anuar mempunyai skor item positif yang rendah dalam kendiri moral-etika berbanding skor item negatif. Skor item negatif ialah 17 manakala skor item positif ialah 13. Ini menunjukkan Anuar mempunyai tanggapan yang kurang cemerlang terhadap dirinya dalam aspek keagamaan.

Rajah 1: Skor Positif Bagi Dimensi Dalam Skala Konsep Tennessee



Rajah 2: Skor Negatif Bagi Dimensi Dalam Skala Konsep Tennessee



Berdasarkan rajah 1, skor positif bagi semua dimensi dalam Skala Konsep Kendiri Tennessee menunjukkan bagi dimensi kendiri keluarga, Anuar mendapat skor positif yang rendah berbanding skor positif bagi Ahmad dan Ramli. Bagi dimensi kendiri fizikal, Anuar mendapat skor positif yang tinggi berbanding Ahmad dan Ramli. Bagi dimensi kendiri sosial, ketiga-tiga sampel kajian menunjukkan skor positif yang hampir sama iaitu 17 bagi Ahmad manakala Ramli dan Anuar mendapat 18. Skor positif bagi Anuar dalam dimensi kendiri moral-etika ialah 13 berbanding skor positif bagi Ahmad dan Ramli ialah 18.

Kesimpulannya, dalam skor positif bagi semua dimensi dalam Skala Konsep Kendiri Tennessee, skor bagi Ahmad dan Ramli adalah hampir sama bagi semua dimensi kendiri. Manakala bagi Anuar, skor positif yang diperolehi menunjukkan skor yang tinggi dan rendah (merujuk rajah 1).

Skor negatif yang diperolehi oleh Ahmad dan Ramli bagi dimensi kendiri keluarga, peribadi dan fizikal juga hampir sama berbanding dengan Anuar. Bagi skor negatif kendiri fizikal, skor yang diperolehi oleh Ahmad ialah 14 manakala Ramli dan Anuar mendapat 13.

Berdasarkan rajah 2, skor negatif yang diperolehi menunjukkan ketigatiga sampel kajian sudah dapat menerima keadaan fizikal mereka. Ramli mendapat skor negatif yang tinggi bagi dimensi kendiri sosial dan moral-etika. Skor negatif yang diperolehi ialah 19 dan 22 berbanding skor negatif bagi Ahmad dan Anuar. Skor bagi Ahmad dalam dimensi kendiri sosial ialah 10 dan

kendiri moral-etika ialah 11. Anuar pula mendapat jumlah skor negatif yang sama bagi kedua-dua dimensi iaitu 17. Berdasarkan rajah 2, menunjukkan Ahmad memperolehi skor yang rendah berbanding Ramli dan Anuar. Ini menunjukkan Ahmad mempunyai tanggapan yang baik terhadap diri dalam aspek sosial dan moral-etika.

Secara keseluruhan, Anuar mendapat skor yang rendah dalam dimensi keluarga dan peribadi berbanding Ahmad dan Ramli bagi skor negatif dan positif. Ini menunjukkan Anuar mempunyai konsep kendiri yang rendah dalam aspek keluarga dan peribadi.

Domin	Nama	Guru A	Guru B	Guru C	Guru D
Ekstrovert	Anuar	18	20	15	19
	Ahmad	18	16	7	14
	Ramli	18	12	19	18
Introvert	Anuar	7	6	8	9
	Ahmad	7	13	12	7
	Ramli	7	10	5	9
Ketahanan	Anuar	13	6	14	17
	Ahmad	13	9	14	17
	Ramli	13	20	17	17
Kritik Diri	Anuar	11	16	13	14
	Ahmad	11	23	19	13
	Ramli	11	15	12	14
Mengawal	Anuar	15	21	13	15
	Ahmad	15	21	5	17
	Ramli	15	9	12	14
Sokongan	Anuar	14	18	16	18
	Ahmad	14	22	17	15
	Ramli	14	16	14	17

Jadual 7 : Keputusan Soal Selidik Pandangan Guru Terhadap Ketiga-tiga Sampel Kajian

4.6 Pandangan Guru Terhadap Sampel Kajian

Untuk melihat pandangan guru-guru terhadap sampel kajian satu soal selidik telah disediakan. Soal selidik tersebut dijawab oleh empat orang guru yang mengajar ketiga-tiga sampel kajian. Ketiga-tiga sampel kajian belajar di dalam kelas yang sama. Oleh itu ketiga-tiga sampel kajian diajar oleh guru yang sama. Guru-guru yang terlibat ialah guru tingkatan, guru Matematik, guru Bahasa Melayu dan guru resos.

4.6.1 Skor-skor Bagi Soal - Selidik Pandangan Guru Terhadap Sampel Kajian

Jadual 7, menunjukkan skor-skor domin ekstrovert bagi Anuar, Ahmad dan Ramli mengikut pandangan empat orang guru. Jumlah skor domin ekstrovert bagi Anuar menurut pandangan keempat-empat orang guru ialah 72. Jumlah skor bagi Ahmad ialah 55 dan Ramli ialah 67. Keputusan menunjukkan Anuar mendapat jumlah skor yang tertinggi iaitu 72 dan Ahmad mendapat jumlah skor yang terendah iaitu 55.

Jadual 7, menunjukkan skor-skor domin introvert bagi Anuar, Ahmad dan Ramli mengikut pandangan empat orang guru. Jumlah skor domin introvert bagi Anuar menurut pandangan keempat-empat orang guru ialah 30. Jumlah skor bagi Ahmad ialah 39 dan Ramli ialah 31. Keputusan menunjukkan Ahmad mendapat jumlah skor yang tertinggi iaitu 39 dan Anuar mendapat jumlah skor yang terendah iaitu 30.




Jadual 7, menunjukkan skor-skor domin kritik diri bagi Anuar, Ahmad dan Ramli mengikut pandangan empat orang guru. Jumlah skor domin ketahanan bagi Anuar menurut pandangan keempat-empat orang guru ialah 50. Jumlah skor bagi Ahmad ialah 53 dan Ramli ialah 67. Keputusan menunjukkan Ramli mendapat jumlah skor yang tertinggi iaitu 67 dan Anuar mendapat jumlah skor yang terendah iaitu 52.

Jadual 7, menunjukkan skor-skor domin ketahanan bagi Anuar, Ahmad dan Ramli mengikut pandangan empat orang guru. Jumlah skor domin kritik diri bagi Anuar menurut pandangan keempat-empat orang guru ialah 54. Jumlah skor bagi Ahmad ialah 66 dan Ramli ialah 52. Keputusan menunjukkan Ahmad mendapat jumlah skor yang tertinggi iaitu 66 dan Ramli mendapat jumlah skor yang terendah iaitu 52.

Jadual 7, menunjukkan skor-skor domin ketahanan bagi Anuar, Ahmad dan Ramli mengikut pandangan empat orang guru. Jumlah skor domin mengawal bagi Anuar menurut pandangan keempat-empat orang guru ialah 64. Jumlah skor bagi Ahmad ialah 58 dan Ramli ialah 50. Keputusan menunjukkan Anuar mendapat jumlah skor yang tertinggi iaitu 64 dan Ramli mendapat jumlah skor yang terendah iaitu 50.

Jadual 7, menunjukkan skor-skor domin sokongan bagi Anuar, Ahmad dan Ramli mengikut pandangan empat orang guru. Jumlah skor domin sokongan bagi Anuar menurut pandangan keempat-empat orang guru ialah 66. Jumlah skor bagi Ahmad ialah 68 dan Ramli ialah 61. Keputusan menunjukkan Ahmad

Rajah 6: Skor Domin Kritik Diri Mengikut Pandangan Guru



Rajah 3 hingga 8, menunjukkan skor-skor yang diperolehi oleh sampel kajian hasil soal selidik mengikut pandangan guru. Skor-skor yang ditunjukkan adalah mengikut domin ekstrovert, introvert, ketahanan, kritik diri, mengawal dan sokongan.

Mengikut pandangan guru A, ketiga-tiga sampel kajian mempunyai jumlah skor yang sama bagi semua domin. Ini menunjukkan guru A, tidak dapat membezakan sudut pandangannya terhadap ketiga-tiga sampel kajian.

Guru B pula berpandangan, Anuar mendapat skor yang tinggi bagi domin ekstrovert, Ramli pula mendapat skor yang tinggi bagi domin introvert dan ketahanan. Manakala Ahmad mendapat skor yang tinggi bagi domin kritik diri dan sokongan. Ini menunjukkan Ahmad mempunyai konsep kendiri yang rendah berbanding Anuar dan Ramli. Ahmad mendapat skor 23 bagi kritik diri berbanding 16 bagi Anuar dan 15 bagi Ramli. Kritik diri yang tinggi menunjukkan Ahmad suka menyalahkan diri sendiri, merasa rendah diri, merasakan diri tidak sempurna, tidak mempunyai kekuatan dan ketahanan mental serta emosi yang tidak stabil. Sokongan yang tinggi pula menunjukkan Ahmad suka bergantung kepada orang lain, kurang berkeyakinan kepada diri sendiri dan sukar membuat keputusan dalam masa yang singkat.

Guru C juga memberi skor yang tinggi kepada Ahmad dalam domin kritik diri dan sokongan berbanding Anuar dan Ramli. Skor yang diberi oleh guru C kepada Ahmad bagi domin kritik diri ialah 19 berbanding 13 bagi Anuar dan 12 bagi Ramli. Bagi domin sokongan, walaupun skor bagi Ahmad ialah 17 tetapi skor itu tidak banyak perbezaan dengan skor yang diperolehi oleh Anuar iaitu 16 dan 14 bagi Ramli.

Guru D pula tidak dapat memberi pandangan seperti guru B dan C kerana guru D merupakan guru resos yang bertindak sebagai guru tuisyen kepada ketiga-

tiga sampel kajian. Skor yang diberi oleh guru D kepada ketiga-tiga sampel dalam kesemua domin adalah hampir sama dan tidak menunjukkan sebarang perbezaan yang ketara.

Kesimpulannya, menurut soal-selidik mengikut pandangan guru, Ahmad memperlihatkan konsep kendiri yang rendah berbanding Anuar dan Ramli.

	Anuar	Ahmad	Ramli
Guru A	78	78	78
Guru B	87	104	82
Guru C	79	67	79
Guru D	92	83	89

Jadual 8: Jumlah Skor Keseluruhan Mengikut Pandangan Guru

JUMLAH KESELURUHAN SKOR = 150

Jumlah skor bagi konsep kendiri yang positif menurut pandangan guru ialah lebih dan sama 75. Jumlah skor bagi konsep kendiri yang negatif menurut pandangan guru ialah kurang 75.

Jadual 8, menunjukkan jumlah skor keseluruhan mengikut pandangan guru-guru bagi Anuar, Ahmad dan Ramli. Secara keseluruhan, jadual 8 menunjukkan kesemua subjek mempunyai konsep kendiri yang positif menurut pandangan keempat-empat orang guru yang mengajar mereka semasa di

tingkatan dua. Guru C berpendapat Ahmad mempunyai konsep kendiri yang rendah kerana jumlah skor yang diperolehi ialah 67 iaitu di bawah nilai skor 75.

4.7 Rumusan Sesi Temubual Bersama Murid

Soalan-soalan dalam sesi temubual bersama murid telah dibuat secara berstruktur. Setiap murid dikehendaki menjawab sepuluh soalan yang disediakan. Soalan-soalan itu meliputi aspek akademik, sosial, masa depan dan penerimaan rakan sebaya. Rumusan sesi temubual adalah seperti berikut :

4.7.1 Sesi Temubual Bersama Ahmad Bin Din

Ahmad berasa seronok kerana diberi peluang menyertai program inklusif. Namun begitu dia berpendapat, menyertai kelas bersama-sama dengan murid-murid yang normal banyak cabarannya. Ahmad mengakui bahawa beliau menghadapi masalah dalam proses pembelajaran. Dia merasakan dirinya tidak pandai dan lemah dalam banyak mata pelajar. Disamping itu, Ahmad juga mengakui tidak dapat mengikuti pelajar di kelas biasa seperti murid-murid lain terutama menulis nota ketika guru mengajar. Walau bagaimanapun, dengan belajar di kelas biasa Ahmad telah dapat mengurangkan rasa rendah diri dan meningkatkan kebolehan belajar.

Semasa Ahmad mula mengikuti program inklusif pada tahun 1998, terdapat sebilangan kecil sahaja murid yang menerima dengan cara menegur sapa dan berbual-bual. Tetapi kini, hampir separuh daripada murid dalam kelas

sudah mula menerima kehadirannya. Cita-cita Ahmad ialah bermiaga. Menyedari dirinya tidak mungkin dapat pergi jauh dalam bidang akademik, Ahmad menanam cita-cita bermiaga.

4.7.2 Sesi Temubual bersama Ramli Bin Rahim

Menurut Ramli, perasaannya bercampur aduk berada di kelas inklusif. Keadaan ini disebabkan terdapat beberapa orang murid suka mengganggunya. Di antara gangguan yang diterima ialah ada rakan yang suka mengambil barang-barang kepunyaannya tanpa kebenaran. Sebaliknya jika tidak diberi, dia pula menjadi sasaran tangan rakan tersebut. Keadaan ini menyebabkan Ramli akan membenarkan sahaja perbuatan rakannya itu.

Ramli berpendapat bahawa dia seorang yang tidak pandai, lemah dan mudah pelupa. Oleh itu, dia tidak dapat mengikuti semua pelajaran yang diajar oleh guru dengan baik. Ramli sebenarnya seorang murid yang pandai jika dilihat kepada pencapaian akademik dalam peperiksaan akhir tahun 1998 yang lalu.

Perhubungan Ramli dengan rakan-rakan dari kelas biasa, kurang mesra. Namun begitu, keadaan tersebut tidak menjaskan minat Ramli kepada pelajaran. Cita-citanya untuk menjadi seorang ahli perniagaan semakin kuat.

Semasa belajar di kelas biasa, Ramli mula mempelajari sesuatu perkara tidak pernah diketahuinya dahulu seperti Sejarah, Geografi, Sains, Matematik, Kemahiran Hidup dan Pendidikan Agama Islam. Ramli berpendapat dengan belajar di kelas biasa keyakinan dirinya sudah mula meningkat.

4.7.3 Sesi Temubual Bersama Anuar Bin Ali

Anuar seorang murid yang peramah dan cepat mesra. Anuar sangat puas hati dengan pencapaian akademik yang dicapai setakat ini. Ibu bapa Anuar sentiasa memberi sokongan kepada Anuar supaya terus belajar. Anuar juga bertekad untuk meningkatkan lagi prestasi akademiknya dalam Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah pada tahun 1999.

Anuar kerap tidak hadir ke sekolah kerana menghadapi masalah dalam menyiapkan kerja sekolah. Keadaan tersebut menyebabkan jumlah tidak hadir ke sekolahnya tinggi.

Secara keseluruhannya, Anuar mampu menghasilkan keputusan akademik yang baik. Pencapaiannya adalah lebih baik daripada murid-murid yang telah mengharungi pendidikan formal di kelas biasa. Sebaliknya, hubungannya dengan murid-murid yang sama dalam kelas pendidikan inklusif tetap erat.